

21/11/1998

Al Gore mengundang kritikan

Atas Pagar

SEBAGAI seorang warganegara Malaysia yang cintakan kedaulatan dan kerukunan bangsa dan negara, saya berasa terpancang untuk melahirkan pandangan berhubung kebiadaban dan kelancangan Naib Presiden Amerika Syarikat (AS), Al Gore dalam kunjungannya sempena sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Kuala Lumpur.

Ucapan Gore pada satu jamuan malam Isnin lalu sempena persidangan Apec dengan jelas menyatakan sokongan terhadap tindakan penunjuk perasaan di jalanan dan pergerakan reformasi antikerajaan. Gore menganggap mereka yang terbabit dalam pergerakan itu sebagai rakyat Malaysia yang berani. Ucapannya nyata mengundang kritikan dan kecaman hebat pelbagai pihak dari dalam dan luar negara yang menyifatkan Gore sebagai seorang yang bongkak, tidak bertanggungjawab dan biadab.

Kelancaran persidangan Apec yang secara khusus membincangkan mengenai permasalahan ekonomi global dicemari tindakan Gore yang 'tidak kena pada tempatnya' itu. Gore memilih platform yang silap dalam menyampaikan pandangannya. Gore sepatutnya faham objektif sebenar sidang kemuncak Apec dan bukannya menyatakan pandangan secara membabi-butakan. Atau mungkin Gore tidak tahu apa-apa mengenai ekonomi lantas mengalihkan ucapan bermotifkan politik bagi mendapatkan perhatian.

Pemimpin yang mahu membangkitkan isu politik dan domestik boleh melakukannya pada mesyuarat dua hala dan bukannya menggunakan forum ekonomi serantau itu. Pemimpin seperti Gore melakukan kesilapan 'terlalu besar' untuk dimaafkan oleh warga Malaysia. Jika dihalusi, kenyataan Gore boleh dijadikan azimat oleh perusuh jalanan untuk memperhebatkan kegiatan mereka. Perusuh pasti berasa girang kerana kuasa dunia itu (AS) tanpa berselindung menyatakan sokongan terhadap penentang kerajaan.

Muslihat Amerika sebenarnya jelas dilihat melalui ucapan Gore itu. Negara itu berharap hasutan Gore itu dapat mengapi-apikan semangat penyokong reformasi supaya melakukan tindakan lebih agresif seperti terdapat di Indonesia. Jika ini berlaku maka suasana dalam negara menjadi kacau-bilau dan nama baik Malaysia akan tercemar. Apabila situasi ini berlaku, ekonomi negara akan menjadi parah sekali gus menjerumuskan negara ke dalam era kegelapan.

Inilah sebenarnya yang diinginkan kepemimpinan Amerika. Pelbagai cara dilaksanakan untuk menjahanamkan negara, namun masih belum mampu memberi impak yang besar. Ucapan Gore atau lebih tepat dikatakan sebagai hasutan itu juga satu cara Amerika mengadu-dombakan warga Malaysia. Warga Malaysia harus peka dan dapat menangkap maksud sebenar tindakan Amerika itu. Segala-galanya terletak di tangan kita. Kalau kita bersatu padu, rancangan Amerika ini akan gagal lagi tetapi kalau kita terikut dengan skrip ciptaan kepemimpinan Amerika, maka cita-cita mereka 'memijak kepala' kita akan menjadi kenyataan.

Kepada pendukung dan penyokong gerakan reformasi, usah membiarkan diri anda dikuasai anasir luar yang nyata punya agenda tersendiri. Jangan biar diri diperalat dan dipergunakan oleh mereka. Sedarlah bahawa tindakan anda sudah tersasar dan menimbulkan kegelisahan masyarakat. Anda sewajarnya menghormati kedaulatan undang-undang negara dan percayalah bahawa Allah akan sentiasa melindungi mana-mana umat-Nya yang berlaku jujur dan benar.

Kepada pemimpin negara terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tahniah di atas kemampuan mentadbir negara dengan cemerlang pada masa sukar apatah lagi pada masa senang. Dan khusus untuk Gore, belajarlah

beradab di rumah orang. Amat tidak manis menceritakan keburukan tuan rumah di depan tetamu yang lain. Kami rakyat Malaysia berasa terhiris dan pilu terhadap tindakan anda.